

31 MAR 2000

Mahathir-MSK (Bergambar)/I

PM: MSK PROMOSIKAN TEKNOLOGI AKAN DATANG MENERUSI KERJASAMA R&D

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Koridor Raya Multimedia (MSK) akan membantu menjayakan pembangunan teknologi multimedia generasi akan datang melalui kerjasama Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di antara pelbagai pihak yang terbabit.

"Rangkaian komprehensif dan antarabangsa R&D, dengan komitmen dan jaminan kuat kerajaan, akan membolehkan MSK memimpin inisiatif R&D Asia ke era teknologi maklumat," kata beliau pada majlis penyampian anugerah Asia Pacific MSK Information Technology dan Telecommunication (APMITTA) di sini malam ini.

Bagi mencapai objektif itu, usaha perlu diperbaharui untuk membangunkan rangkaian bagi kerjasama pusat-pusat R & D korporat yang bertaraf dunia di antara universiti, institusi penyelidikan awam dan peserta industri lain, kata Dr Mahathir.

Malaysia dan rantau Asia Pasifik, kata beliau, tidak mampu diketepikan dari kemajuan teknologi maklumat global yang dinamik dan ini hanya boleh dilakukan dengan mempunyai program R&D yang sesuai.

MSK, ialah pusat multimedia pintar yang terletak di selatan Kuala Lumpur.

Beliau berkata, antara langkah-langkah penting bagi memberi tekanan kepada aspek R&D adalah daya usaha MSK yang amat penting bagi memastikan projek multimedia negara itu adalah untuk syarikat yang berinovatif.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan anugerah APMITTA kepada pemenang beberapa kategori -- Informix Sdn Bhd untuk Best Of Electronic Government Applications, Iris Corporation untuk Best Of Multipurpose Card Solutions dan e-Business Sdn Bhd untuk Best of Software Applications.

Pemenang lain termasuk E-Magazine Online Sdn Bhd untuk Best Of Content Development, Computer Protocol (M) Sdn Bhd untuk Best Of Value Added Communications Technologies, Asia TravelMart.Com untuk Best Of Start Up Companies dan VMS Technology Sdn Bhd untuk Best Of Industrial Commercial Products.

Untuk Best Of Students Projects, School of Engineering dan Information Technology, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Ahmad Fariz Hanapiah muncul sebagai pemenang bersama.

Ahmad, 13, kemudian dipilih sebagai penerima Anugerah Perdana Menteri (kategori merit) atas rekaan "Malaysian Soccer Online" manakala E-Business Sdn Bhd dan VMS Technology Sdn Bhd, kedua-dua dipilih menerima anugereah yang sama dibawah kategori pencapaian tertinggi.

Turut hadir pada upacara itu ialah Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

-- BERNAMA

MHI zb